

Headline	Ikrar Integriti Korporat CIP		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	15
ArticleSize	243 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,267		



Ikrar Integriti Korporat (CIP)

USAHA pencegahan melalui strategi laut biru dilebarkan ke peringkat lebih besar dalam komuniti-komuniti Negara ini. SPRM mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Ikrar Integriti Korporat (CIP).

CIP merupakan suatu komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah oleh syarikat korporat di Malaysia.

Menurut Sutinah, sebuah syarikat yang menandatangani CIP ini akan berikrar bahawa syarikat mereka tidak akan terlibat dalam sebarang jenayah rasuah.

"Ikrar Integriti Korporat menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan-badan korporat bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas dari rasuah.

"Prinsip-prinsip ini bertindak sebagai garis panduan terhadap bidang-bidang yang perlu difokuskan oleh organisasi terbabit bagi memainkan peranan dalam menyumbang ke arah usaha-usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Ia sejajar dengan objektif Bidang

Keberhasilan Utama Negara iaitu "Memerangi Rasuah" di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP)," katanya.

Tambah beliau ikrar itu merupakan satu pertalian yang penting bagi pembaharuan yang berlaku dalam sektor awam dan penambahbaikan secara berterusan dalam sektor swasta, untuk memacu kemajuan negara ke arah menjadi sebuah negara maju.

Sutinah berkata, sejak diperkenalkan hampir 300 syarikat telah menandatangani CIP.

Katanya, CIP bukan sahaja ditanda tangani syarikat swasta tetapi usaha itu turut disambut baik oleh NGO dan syarikat berkaitan kerajaan

(GLC).

"CIP ini ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi (CEO) syarikat itu sendiri sekaligus memberi contoh yang baik sebagai peneraju syarikat. Penerapan nilai budaya itu lebih mudah disalurkan ke peringkat bawahan.

"Tindakan ini akan menaikkan imej syarikat selain memberi nilai tambah dalam urusan bisnes mereka bahawa segala urusan tidak dicemari dengan unsur rasuah," katanya.

Antara syarikat yang sudah menandatangani CIP ialah Shell, BP, Tesco, TM, TNB dan Petronas.

Ikrar Integriti Korporat ini telah dibangunkan bersama oleh SPRM, Institut Integriti Malaysia (IIM), Transparency International Malaysia (TI) dan PEMANDU, Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

